



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS SEBUTHARGA


1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebutharga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebutharga	
SSC/Q/07/2023	Painting and Associated Works to Sarawak Squash Centre, Petra Jaya, Kuching, Sarawak	UPKJ: Kerja		RM100.00 (Tidak Dikembalikan)	Bumiputera sahaja	06 Jun 2023 12.00 Tengahari	07 Jun 2023 Sebelum 12.00 Tengahari
		Kategori	E atau EX				
		Kepala	II				
		Sub-Kepala	5(a)				
Maklumat mengenai notis sebutharga boleh diperolehi di dalam laman web rasmi Perbadanan Sukan Sarawak www.ssc16.gov.my							

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank atau Tunai** yang dibayar atas nama **PERBADANAN SUKAN SARAWAK** untuk pembelian di Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Petra Jaya, Kuching.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga (*Dokumen Meja Sebut Harga*) boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **25 Mei 2023** hingga **06 Jun 2023** di **Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Petra Jaya, Kuching**.
5. Penyebutharga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sebutharga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebutharga pada hari sebutharga ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyebut harga lewat untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
c/o Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 2, Stadium Sarawak
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050, Kuching, Sarawak

9. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.



AWANG PUTRAYUSRI BIN HJ. AWANG REDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak